

PPSMI: PAS mahu temu Page
The Malaysian Insider
29 Ogos, 2011

KUALA LUMPUR, 29 Ogos – PAS melahirkan hasrat untuk mengadakan pertemuan dengan pertubuhan bukan kerajaan pendidikan, Page berhubung pendirian pihaknya agar diberi pilihan untuk mengajar subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Pengerusi Lajnah Pendidikan PAS Datuk Abu Bakar Chik berkata, parti Islam itu tidak dapat menerima kenyataan Page supaya kerajaan mengembalikan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)..

“Kita sebenarnya tidak sama sekali dapat menerima kenyataan ini dan saya minta untuk kita mengadakan pertemuan dengan pihak Page ini, kita mahu dengar daripada mereka apa alasan daripada mereka sebab kita mewakili majoriti rakyat yang tidak mahu kepada PPSMI,” kata Abu Bakar dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Baru-baru Page berkata pihaknya mahu bertemu dengan Kabinet supaya dapat diadakan pertemuan mengambil langkah untuk mengembalikan semula PPSMI.

Abu Bakar berkata kenyataan Presiden Page, Datuk Noor Azimah yang dikatakan mempunyai bukti dan mendapat sokongan lebih 90 peratus ibu bapa berhubung perkara itu dianggap satu perkara yang luar biasa, satu perkara yang baru yang mendatang.

“Bagaimana beliau boleh mendakwa bahawa beliau ada bukti dan mendapat sokongan sedangkan rata-rata kajian yang dibuat PPSMI gagal untuk memajukan Bahasa Inggeris di kalangan anak-anak terutama di luar bandar bagi mendepani pendidikan Sains dan Matematik.

“Apatah lagi kita boleh mengatakan bahawa keciciran (di kalangan pelajar) telah begitu banyak dan begitu meluas sekali kerana akibat daripada PPSMI ini,” katanya.

Oleh itu kata Abu Bakar, beliau berharap dapat mengadakan mengadakan pertemuan segera mereka dan mahu mendengar alasan mereka.

“Namin begitu, dari segi untuk mendesak kabinet supaya membolehkan (PPSMI dikembalikan) kita menentang sama sekali dalam apa bentuk sekali pun.

“Tetapi dengan Page kita mahu mendengar daripada mereka apa alasan yang mereka hendak bawa (kepada Kabinet) tentang perkara ini,” ujarinya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ppsmi-pas-mahu-temu-page/>